

# Berita KUIIM

Julai 2003

Edaran Dalam Sahaja

## *Pertemuan yang dinantikan...*

"Majlis Pertemuan Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) bersama Kakitangan Akademik dan Mahasiswa-mahasiswi KUIIM"



Pertemuan pada 23 Julai 2003 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia antara Pengerusi LPU dengan kakitangan akademik dan mahasiswa-mahasiswi KUIIM mencatat kenangan manis terutamanya kepada mahasiswa-mahasiswi baru. Pertemuan yang dihasratkan oleh YBhg Tan Sri Yusof Noor ini bertujuan untuk mendekati mahasiswa-mahasiswi dan seterusnya mengingatkan mereka tentang tanggungjawab mereka sebagai mahasiswa-mahasiswi KUIIM yang menggalas harapan ibu-bapa, universiti, agama dan negara.

Tan Sri Yusof Noor dalam kata-katanya juga mengingatkan mahasiswa-mahasiswi supaya lebih berkualiti dan berdaya saing dalam melahirkan graduan yang boleh menghadapi cabaran dan mampu bersaing di peringkat global. Begitu besar harapan YBhg Tan Sri khasnya kepada mahasiswa-mahasiswi KUIIM. Ini berikutan harapan yang besar diletakkan oleh kerajaan kepada universiti Islam seperti KUIIM dalam melahirkan profesional Islam yang mahir ilmu agama tanpa mengenyepikan ilmu sains dan kemasyarakatan. Inilah keunikan universiti KUIIM yang tidak mewujudkan sistem dualisme di dalam sistem pendidikan yang ditawarkan.



Meskipun besar harapan negara kepada mahasiswa-mahasiswi KUIIM tetapi ia tidak bermakna sekiranya mahasiswa-mahasiswi KUIIM tidak bersungguh-sungguh menanggung cabaran ini. Mahasiswa-mahasiswi mestilah berfikiran kritis, kreatif, mahir berkomunikasi, boleh bekerja secara individu atau kumpulan serta bertanggungjawab terhadap agamanya. Ini kerana kriteria-kriteria ini penting untuk membolehkan graduan KUIIM boleh bersaing dalam suasana pasaran kerja yang semakin kompetitif dan

memerlukan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang tinggi.

Tan Sri Yusof Noor juga mengingatkan mahasiswa-mahasiswi KUIIM supaya lebih menonjolkan diri dalam usaha menuntut ilmu dan bukan sahaja mengharap daripada pensyarah semata-mata kerana istilah "makan bersuap" tiada lagi dalam istilah pendidikan tinggi.

**S**idang media khas sempena Istiadat Pemasyhurannya Perlantikan Tuanku Canselor dan Konvokesyen Pertama KUIM telah diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 28 Julai 2003. Sidang media khas ini dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM yang bertujuan mewarwarkan kepada umum tentang perlantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan



Negeri Sembilan sebagai Canselor Pertama KUIM. DYMM Tuanku Najihah akan dimasyhurkan sebagai Canselor Pertama KUIM oleh Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pihak Menteri Pendidikan Malaysia pada hari Konvokesyen Pertama KUIM pada 9 Ogos di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Seramai 236 graduan perintis KUIM dari tiga fakulti iaitu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-undang dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan akan dianugerahkan Ijazah-ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian oleh DYMM Tuanku Canselor.



## Janji dilafaz...

**M**ajlis Penyerahan Watikah untuk Exco-exco Jawatankuasa Kebajikan Asrama (JAKSA) Seri Penara telah diadakan pada 4 Julai 2003 di Menara A, MPAJ. Perlantikan JAKSA yang telah disaksikan oleh YBhg Dato' Rektor ini adalah untuk membantu pihak pengurusan asrama dalam menjaga kebajikan para penghuni asrama di samping menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan.

*"Menteri Besar Negeri Sembilan Bersama Exco Kerajaan Negeri Sembilan Melawat Tapak Kampus Tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 21 Julai 2003. Lawatan ini bertujuan untuk melihat perkembangan pembinaan Fasa Pertama projek pembangunan kampus tetap KUIM yang dijangka siap pada tahun hadapan"*



# Kejohanan Debat Bahasa Arab yang Pertama di Malaysia



Sebanyak 9 institusi pengajian tinggi telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini seperti Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) selaku penganjur kejohanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) dan Darul Quran, JAKIM.

Dalam kejohanan tersebut, Universiti Kebangsaan Malaysia telah muncul sebagai johan yang membawa balik Piala Pusingan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Brid. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Zainal Abidin. Manakala naib johan pula disandang oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Anugerah Pendebat Terbaik pula telah dimenangi oleh Hamadallah bin Mohd Salleh juga dari UIAM.

**K**ejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institut Pengajian Tinggi Malaysia telah dianjurkan oleh Kelab Debat KUIM dengan kerjasama HEP KUIM pada 18 hingga 20 Julai di Menara B, Persiaran MPAJ. Kejohanan yang pertama kali dipertandingkan di Malaysia ini telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Hj. Mohd Shahir bin Hj. Abdullah, Ketua Pengarah JAKIM pada Majlis Penutup dan Pertandingan Akhir yang telah diadakan di Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur pada 20 Julai 2003.

Antara objektif penganjuran kejohanan debat ini bertujuan untuk memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu selain daripada Bahasa Inggeris yang telah digunakan secara meluas di seluruh dunia. Selain daripada itu, melalui kejohanan ini dapat melatih mahasiswa dan mahasiswi untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi dan berfikir dengan pantas dan bekerjasama di dalam pasukan di samping menonjolkan keyakinan dan kredibiliti kepimpinan yang tinggi.

## Aktiviti-aktiviti:

### ◆ 2 Julai 2003

Perasmian Sambutan Bulan Membaca Julai 2003 yang dianjurkan oleh Perpustakaan KUIM telah dirasmikan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin.

Sambutan yang diadakan di peringkat kebangsaan setiap tahun pada bulan Julai ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran membaca di kalangan warga Malaysia.

### ◆ 12 Julai 2003

Pertandingan Tulisan Khat


## Sambutan Bulan Membaca Julai 2003

# Dalam lembaran *sejarah...*

- 2 Julai** - Majlis Perasmian Bulan Membaca Julai 2003 di Perpustakaan KUIM
- 4 Julai** - Majlis Penyerahan Watikah Jawatankuasa Siswa/Siswi Asrama (Jaksa) Sri Penara di Menara A, MPAJ
- 7 hingga 9 Julai** - Konvensyen Kebangsaan Pertama Pendidikan Kejuruteraan Pendekatan Berorientasikan Profesyen di Hotel Marriott, Putrajaya
- 11 Julai** - Taklimat Ke Arah Persekitaran ISO 9001:2000 di Menara A, MPAJ
- 12 Julai** - Serindit Pengenalan Jendera Gemilang di Menara B, MPAJ
- 15 Julai** - Walaikah Salam Ilmiah Siri 11, Kowloon, Hong Kong di Tam Tam Islam, MPAJ
- 16 Julai** - Persembahan Tulisan Kitab Al-Muqaddimah
- 17 Julai** - Program "Kiraan Syahidyyah" di Menara A
- 17 hingga 20 Julai** - Kejujutan & Saiz Baharu di Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa Malaysia di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur
- 18 Julai** - Persembahan Fotografi di Menara B, MPAJ
- 21 Julai** - Menteri Besar Negeri Perak, Datuk Seri Ahmad Sulong, melawat Tapak Kampus Yotac KUIM di Bangi, Perak
- 21 Julai** - Penyempahan Sijil Kursus Induksi Kurikulum Pengurusan dan Profesionalisme di Menara A, MPAJ
- 23 Julai** - Pertemuan Pengerusi LPU Bersama Kakitangan Akademik dan Mahasiswa/manasiswi KUIM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, Bangi
- 25 Julai** - Wacana Dakwah dan Pengumuman Islam Siri 3, 2003 di Menara B, MPAJ
- 26 Julai** - Diskusi Syariah dan Kehakiman Siri 2 di Menara B, MPAJ
- 28 Julai** - Sidang Media Khas Sempena Pemasyihuran Juanku Canselor dan Konvokesyen Pertama KUIM di Hotel Istana, Kuala Lumpur
- 30 Julai** - Sanggar Kerja Halatuju & Perancangan Strategik Fakulti Ekonomi & Muamalat 2003 - 2008 di Hotel Pan Pacific, KLIA
- 31 Julai** - Lawatan Dekan Fakulti Syariah dari Universiti Qatar, Mesir di Menara A, MPAJ



Majlis Perasmian Bulan Membaca Julai 2003 di Perpustakaan KUIM, Menara A, MPAJ



Konvensyen Kebangsaan Pertama Pendidikan Kejuruteraan Pendekatan Berorientasikan Profesyen di Hotel Marriott, Putrajaya

Diterbitkan oleh Pejabat  
Perhubungan Awam KUIM  
Tel: 03-42892094/2157  
Faks: 03-42892153  
E-mail: fazira@admin.kuim.edu.my